

Pengeluaran Bersih

Ke Arah Industri yang Mesra Alam

Cleaner Production

Towards Environment Friendly Industries

Volume 2 No 2
December 2012
ISSN 2232-0466
<http://www.doe.gov.my>



Projek Integrasi Pengeluaran Bersih PEMBUATAN BATIK

Nor Azah Masrom Emel: norazah@doe.gov.my

Apa itu Batik?

Batik berasal dari perkataan Jawa 'amba' yang bermakna menulis, dan 'nitik' yang bermakna membuat titik (sumber: Wikipedia). Batik yang dipercayai berasal dari Indonesia, adalah satu seni reka corak yang berasaskan lilin sebagai bahan halangan untuk menghasilkan corak (Sumber: Malaysian Standard, MS 692:2007).

Bersumberkan kepada Batik Malaysia (Kraftangan) di dalam Malaysian Standard Perkara 3.1 (definisi batik) MS 692:2007 (Jabatan Standard Malaysia), kain batik adalah kain yang diproses dengan melukis, mencetak, mewarna, mencelup fabrik menggunakan bahan halangan fizikal ke atas fabrik seperti lilin, untuk mengelakkan bahagian yang diaplikasikan oleh lilin tersebut daripada diresapi warna dan kemudiannya melupuskan bahan halangan fizikal (lilin) tersebut untuk menampakkan coraknya. Seterusnya, terdapat beberapa jenis batik yang diproses oleh pengusaha-pengusaha batik pada hari ini. Di antaranya adalah Batik Lukis, Batik Terap dan Batik Sutera Saring.

Kebiasaannya reka corak dan motif-motif batik diinspirasi dari alam semula jadi seperti flora dan fauna yang kemudiannya digabung dengan corak-corak geometri atau abstrak. (Kraftangan)

Batik Malaysia

Di Malaysia, batik merupakan seni warisan bangsa yang menjadi kebanggaan negara. Batik mula diperkatakan di Malaysia pada abad ke-17 Kesultanan Melayu. Lagenda bermula apabila Laksamana Hang Nadim menerima titah daripada Sultan Melaka, Sultan Mahmud untuk belayar ke India bagi membeli 140 helai serasah cloth (batik) yang dilakar dengan 40 jenis motif bunga. Namun kerana tidak berjaya menemui batik yang dikehendaki oleh Sultan, beliau menghasilkan kain batiknya sendiri. Dalam perjalanan pulang, kapal beliau karam dan hanya 4 helai batik berjaya di bawa pulang yang menimbulkan kemarahan Sultan. Di Terengganu, pembuatan batik bermula pada tahun 1913 dengan lukisan menggunakan lilin. Manakala di Kelantan, batik



mula dihasilkan di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu. Pada zaman penjajahan Jepun, industri batik merudum apabila banyak kilang-kilang terpaksa ditutup. Namun, pada tahun 1957 Malaysia mewujudkan identiti batik kebangsaan dengan menjadikannya pakaian kebangsaan untuk majlis-majlis rasmi.

Batik Malaysia kebanyakannya terdiri daripada motif bunga-bunga besar, ringan dan berwarna terang serta ceria.

Isu Alam Sekitar

Industri batik merupakan salah satu industri tradisional yang turut menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Batik keluaran Malaysia mendapat permintaan yang tinggi dari pasaran tempatan dan luar negara kerana keunikannya. Walau bagaimanapun di sebalik keunikan ini, aktiviti pembuatan batik turut menghasilkan air sisa atau yang dikenali sebagai effluen yang menyumbang kepada masalah pencemaran air terutama di Kelantan dan Terengganu memandangkan penghasilan batik melibatkan penggunaan bahan kimia yang banyak. Kajian awal ke atas airsisa yang dihasilkan oleh premis pembuatan batik menunjukkan bahawa effluen yang terhasil dari aktiviti pemrosesan batik mengandungi pepejal terampai, pewarna organik dan bukan organik serta logam berat yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Selain pencemaran air, aktiviti pembuatan batik yang tidak mesra alam juga menimbulkan masalah pencemaran udara dan penghasilan sisa buangan.

Sisa pepejal- raja kain, bekas-bekas, beg, bahan pembungkusan

Pencemaran air-effluen mengandungi banyak bahan pencemar organik dan terampai

Impak Terhadap Alam Sekitar

Pencemaran udara - sebatian organik meruap (VOC), asap, bau

Rajah 1

kandungan | contents

page	
2	Dari Meja Pengarang
2	Pengeluaran Bersih di Premis Dagang Batikkraf
7	The Green Industry
8	Green Investment
10	The Green Building Index - Greening the Construction Industry

12	Environmental Performance Evaluation - Your Cleaner Production Tool
14	Ulasan Buku - Green to Gold
15	Program Bantuan Khidmat Nasihat - Pengeluaran Bersih (CP) kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
16	Aktiviti Semasa Cleaner Production



Dari Meja Pengarang

Jenis-jenis Batik

BATIK COP



Blok yang diperbuat daripada sebungkah kayu atau logam diukir dengan motif-motif bersesuaian untuk mengecap kain

BATIK CANTING



Lilin cair dilakar menggunakan canting dan diwarna mengikut kesesuaian reka corak Kain digunakan: kapas, rayon, voile, sutera

BATIK SUTERA SARING



Dikenali sebagai batik stensil Teknik lakaran corak dan terapan warna dilakukan di atas skrin yang diperbuat daripada poliester diregang di atas pemedang

Bahan Mentah

BATIK COP

- Blok cop
- Pewarna
- Pemidang
- Lilin
- Bekas kecil
- Kain putih
- Bekas besi besar

BATIK CANTING

- Canting
- Lilin
- Resin
- Minyak masak
- Kain putih
- Pewarna (Remazol dan Premazin)

BATIK SUTERA SARING

- Kain putih
- Pewarna
- Pemidang



Pengeluaran Bersih di Premis DAGANG BATIKRAF

Bagi meneruskan kesinambungan industri batik di Malaysia supaya berdaya saing dan mesra alam, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil inisiatif melaksanakan Projek Integrasi Pengeluaran Bersih di Premis Pembuatan Batik bermula pada tahun 2011. Projek ini merupakan anjuran JAS dengan kerjasama Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM). Projek ini dilaksanakan melalui dua fasa iaitu Fasa 1 (Tahun 2011) dan Fasa 2 (Tahun 2012). CP merupakan pendekatan yang diambil oleh JAS sebagai satu strategi bagi mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan di bawah projek ini industri batik telah dipilih sebagai kategori industri yang diberi keutamaan dalam konteks amalan CP. Premis Dagang Batikraf Sdn. Bhd. di Kota Bharu, Kelantan telah dipilih sebagai premis demonstrasi bagi pelaksanaan opsyen-opsyen CP.

Projek ini merupakan usaha ke arah pencegahan pencemaran di peringkat awal proses di premis pembuatan batik dan akan dijadikan contoh pelaksanaannya kepada industri batik yang lain. Secara tidak langsung, ia memberi penekanan kepada elemen-elemen bagi meningkatkan tahap toleransi dan kesedaran pengusaha batik terhadap impak industri batik kepada alam sekitar.

Projek Integrasi CP di Premis Pembuatan Batik pada asasnya dijalankan untuk membuktikan bahawa industri

batik yang rata-rata merupakan industri cottage boleh dijadikan sebagai industri yang bersih dari aspek alam sekitar di samping menjadi industri yang viable dari segi ekonomi. Penjanaan opsyen-opsyen CP yang dikenalpasti di Premis Dagang Batikraf merangkumi aspek tenaga, bahan mentah, sisa pepejal yang berbahaya, sistem rawatan effluen, produktiviti dan keselamatan dan kesihatan.


Fasa Pertama (2011)

1. Menjalankan audit CP di sebuah premis pembuatan batik di Kelantan
2. Menjana senarai opsyen-opsyen CP yang praktikal bagi premis tersebut
3. Merekabentuk atau mengubahsuai skema rawatan effluen yang sesuai.

Fasa Kedua (2012)

1. Melaksanakan opsyen-opsyen CP yang terpilih dan memantau hasil pelaksanaan
2. Membina sistem rawatan effluen mudah yang dapat mengurangkan kandungan bahan pencemar di dalam effluen ke paras pematuhan minimum Standard B.
3. Menerbitkan satu manual pelaksanaan amalan CP bagi pengusaha batik
4. Mengadakan satu bengkel dan dua seminar bagi pengusaha batik dari seluruh Malaysia

Carta Alir Proses Pembuatan Batik



Sumber: Kertas Pembentangan Seminar Inisiatif Industri Hijau Bagi Industri Batik Malaysia, 20 September 2012, Putrajaya

Justifikasi pemilihan Premis Integrasi CP

- Lokasi premis diberikan keutamaan kerana terletak di sekitar Kota Bahru, Kelantan
- Komitmen sepenuhnya dari pemilik dan tenaga kerja premis
- Kebolehan dan kesediaan premis untuk melaksanakan opsyen-opsyen CP
- Kesediaan premis untuk berkongsi pengalaman melaksanakan amalan CP dengan premis lain

Latarbelakang Dagang Batikraf Sdn. Bhd.

- Ditubuhkan pada tahun 1970 dan terletak di Kota Bharu, Kelantan
- Menjalankan perusahaan pembuatan kain batik menggunakan teknik cop.
- Mengambil tempahan pakaian rasmi dari agensi kerajaan dan institusi pengajian tempatan.
- Mempunyai pekerja seramai 10 orang

Aktiviti-aktiviti di premis

- Taklimat dari pemilik premis
- Menjalankan pra-audit dan tinjauan umum
- Mengenal pasti isu secara kualitatif
- Perancangan aktiviti audit
- Pengendalian audit secara terperinci
- Pengukuran dan pengumpulan data
- Penganalisaan data
- Kuantifikasi isu secara terperinci
- Penyediaan laporan kajian

Dapatan Audit

Aktiviti pra-audit telah dijalankan di premis Dagang Batikraf bagi mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh premis serta membuat pemerhatian mengenai proses dan aktiviti yang dijalankan di premis. Ia merangkumi penggunaan bahan dan utiliti, keadaan persekitaran tempat bekerja, pengurusan sisa, risiko kesihatan dan keselamatan dan pengurusan sumber manusia. Jadual 1 dan 2 di bawah menunjukkan dapatan audit yang diperolehi.

Jadual 1

Penggunaan/Penghasilan	per meter kain	13,000,000 meter kain*
Penggunaan air	18 liter	234,000 m ³
Penghasilan airsisa	15 liter	195,000 m ³
Penghasilan sisa pepejal	12 gram	156 tan
Penggunaan elektrik	0.1 kW.hr	1,300 MW.hr (RM455,000)
Penggunaan bahan api		
- kayu	0.13 kg	1,690 tan (RM169,000)
- gas	0.01 kg	130 tan (RM235,000)

Jadual 2

Penggunaan/Penghasilan	Kadar untuk seluruh Kelantan sehari	Catatan
Penggunaan air	750 m ³	Sumber air bawah tanah
Penghasilan airsisa	625 m ³	COD : 200 – 500 mg/L TSS : 800 – 1,000 mg/L pH : 10 - 12
Penghasilan sisa pepejal	500 kg	- Abu kayu api - Lilin dan resin - Lain-lain
Penggunaan elektrik	RM1,460	-
Penggunaan bahan api	5.5 tan (RM545)	-
- kayu	410 kg (RM755)	-
- gas		

*Anggaran kadar penghasilan kain batik di seluruh negeri Kelantan setahun

Penjanaan Opsyen-opsyen CP

Cleaner Production berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti yang dapat mengurangkan penjanaan *Carbon Footprint* atau Kesan Karbon. Secara umumnya, kesemua aktiviti pada akhirnya boleh dikaitkan dengan penjanaan *Carbon Footprint* melalui penggunaan tenaga atau bahan secara langsung atau tidak langsung. Sebanyak 160 opsyen CP telah dijana bagi premis Dagang Batikraf yang memfokus kepada aspek-aspek berikut:

- Carta aliran proses
- Penggunaan bahan mentah
- Penggunaan utiliti (elektrik, air dan bahan api)
- Keadaan tatasusun persekitaran premis
- Tempat penstoran bahan mentah dan produk
- Risiko keselamatan dan kesihatan tempat kerja
- Produktiviti syarikat

Pembahagian opsyen-opsyen mengikut kemudahan pelaksanaan adalah seperti di bawah:

Bil	Kemudahan pelaksanaan	Peratus (%)
1	Dilaksanakan oleh premis tanpa memerlukan bantuan JAS dan kos	53
2	Dilaksanakan oleh premis dengan bantuan JAS tanpa memerlukan kos	15
3	Dilaksanakan oleh JAS dengan kos kurang dari RM 200	26
4	Dilaksanakan oleh JAS dengan kos yang tinggi	5
5	Memerlukan dana tambahan	1
	Jumlah	100

Sebanyak 71 opsyen CP telah disenaraipendek untuk dinilai dengan lebih terperinci dan seterusnya sebanyak 28 opsyen CP utama telah dipilih untuk dilaksanakan di premis Dagang Batikraf. Antara opsyen CP yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

Pelaksanaan Opsyen-Opsyen Cp Di Premis Integrasi Dagang Batikraf Sdn. Bhd.

Bil.	Opsyen CP	Sebelum	Selepas
1.	Pembinaan lantai bersimen berkeluasan 1200 kaki persegi bagi ruang pemprosesan		
2.	Pembinaan 2 buah kolam takungan air bagi pembilasan kain	Tiada.	
3.	Pemasangan siling plywood di ruang mewarna berkeluasan 32 kaki persegi		
4.	Pembinaan 2 buah kabinet bagi menempatkan bekas simpanan pewarna		
5.	Pembinaan dapur memanaskan lilin beserta kebuk wasap		
6.	Pemasangan rak simpanan blok cop		
7.	Pemasangan meja/bingkai mewarna batik keluli (2 tingkat)		
8.	Pemasangan 4 keping panel bumbung lutsinar.	Tiada	
9.	Pembinaan longkang saliran di ruang mewarna		Tiada 
10.	Kolah takungan rendaman sodium silicate		
11.	Pelabelan bagi keseluruhan ruang pemprosesan dan tong simpanan bahan dan sisa		Tiada 
12.	Pembersihan perimeter premis.		
13.	Peralatan keselamatan (Alat pelindung diri individu dan alat pemadam api)		Tiada 
			Tiada 
15.	Tong simpanan sisa.		
16.	Pemasangan papan tanda premis.		Tiada 

Sistem Rawatan Effluen Batik

Aktiviti pemprosesan batik menggunakan bahan kimia yang banyak dan menghasilkan effluen yang mengandungi bahan pencemar dengan ciri-ciri seperti di Jadual 4.

Effluen yang dihasilkan dari pemprosesan batik mempunyai ciri-ciri seperti beralkali, berwarna dan mempunyai suhu yang tinggi. Bahan kimia yang digunakan di dalam pemprosesan batik ialah lilin, resin, *sodium silicate* dan bahan pewarna (organik

dan bukan organik). Terdapat lebih daripada 100,000 bahan pewarna komersial di pasaran dengan kadar pengeluaran bahan pewarna sebanyak 7×10^5 tan setahun. Berdasarkan kepada struktur kimianya, pewarna mempunyai rintangan terhadap keupatan apabila terdedah kepada cahaya, air dan bahan kimia lain. Struktur yang kompleks pula menyebabkan pewarna sukar untuk nyahwarna dan mereput secara biologi.

Jadual 4

Bil.	Aktiviti	Bahan pencemar	Anggaran kuantiti air sisa (m3)/ bulan	Kesan
1.	Pembasuhan	Kanji	36	Menyumbang kepada TSS
2.	Menstabilkan kain	Sodium silicate	9.5	Menyumbang kepada TSS
3.	Merendam	Sodium silicate dan pewarna	24	Menyumbang kepada COD dan TSS
4.	Merebus	Sodium silicate dan lilin	2.5	Menyumbang kepada TSS
5.	Membilas	Baki lilin dan pewarna	54	Menyumbang kepada TSS dan COD
Jumlah 126 m3 / bulan				

Jadual : Sumber pencemar pemprosesan batik, kuantiti dan kesan kepada kandungan effluen

TSS – Total Suspended Solid atau Jumlah Pepejal Terampai

COD – Chemical Oxygen Demand

Jadual 5 : Ciri-ciri effluen batik di premis Dagang Batikraf Sdn. Bhd.

Bil.	Perkara	Julat ciri-ciri effluen batik	Piawai B*
1.	pH	11.8	5.5 – 9.0
2.	COD (mg/L)	250 - 300	250
3.	BOD	50 - 80	50
4.	TSS (mg/L)	800 - 1000	100

* Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Sehingga kini, pelbagai kajian telah dijalankan bagi mendapatkan kaedah dan pendekatan terbaik dalam merawat effluen batik. Salah satu pendekatan yang diambil adalah melalui pelaksanaan opsyen-opsyen CP yang menyeluruh dan bersepadu (*comprehensive and integrated*). Bagi aspek penjanaaan effluen pula, pelaksanaan CP dapat mengurangkan kuantiti air sisa yang terjana di mana strategi-strategi CP memfokuskan kepada mengenalpasti sumber-sumber pencemar dan kuantiti penjanaaan, seterusnya melaksanakan konsep pencegahan (*pollution prevention*) bagi mengurangkan kandungan dan kuantiti bahan pencemar tersebut. Paling ketara ialah pengurangan/pengoptimuman penggunaan setiap jenis sumber iaitu air dan bahan kimia.

Namun begitu, industri batik masih juga memerlukan satu sistem yang dapat merawat effluen batik. Pada masa ini, sistem rawatan berpusat adalah tidak sesuai dilaksanakan bagi premis-premis batik di Kelantan. Ini adalah kerana lokasi premis-premis pembuatan batik tersebut adalah bertaburan dan usaha untuk mengumpul semua premis dalam bentuk kluster adalah mustahil. Satu sistem rawatan mini diperlukan kerana industri pembuatan batik adalah industri *cottage* dan kebanyakkan premis dibina di dalam ruang yang terhad. Selain itu, rekabentuk sistem rawatan juga perlu mengambil kira kuantiti dan ciri-ciri air effluen yang terjana bagi sesebuah premis.

Pada masa kini, terdapat pelbagai teknologi rawatan bagi merawat effluen yang terhasil dari aktiviti pembuatan batik seperti berikut:


1. Penjerapan pada karbon teraktif (carbon adsorption)
2. Rawatan ozon
3. Proses membran (turasan ultra, mikro,nano,osmosis berbalik)
4. Proses elektrokimia
5. *Coagulation dan Flocculation*

Ciri-Ciri Sistem Rawatan Effluen Bagi Premis Dagang Batikraf Sdn. Bhd.

Rekabentuk sistem rawatan effluen yang dibangunkan di premis Dagang Batikraf mempunyai ciri-ciri seperti di bawah:

1. Memerlukan kos yang murah dan mampu milik iaitu kurang daripada RM10 ribu. Sistem rawatan ini boleh dijadikan model yang boleh dicontohi oleh premis-premis batik yang lain.
2. Sistem tidak memerlukan ruang yang besar. Ruang diperlukan bagi pemasangan empat buah tangki yang dapat menampung 1 hingga 2 m3 air sisa.
3. Kos pengoperasian adalah murah. Rekabentuk sistem melibatkan penjanaaan air sisa sebanyak 5 m³ hingga 10 m³ sehari.
4. Sistem rawatan mudah dikendalikan oleh pekerja sendiri dengan latihan yang diberikan.
5. Rawatan tidak menghasilkan sisa yang lebih berbahaya (enapcemar).
6. Sistem rawatan adalah sesuai bagi kadar aliran air sisa dan kandungan yang berubah-ubah.
7. Sistem rawatan sesuai bagi proses berkelompok di mana operasi pembuatan batik adalah tidak menentu.
8. Penyelenggaraan sistem rawatan yang tidak kompleks. Rekabentuk menyasarkan kos penyelenggaraan 'hampir sifar' dan boleh diaplikasikan oleh premis yang tidak mempunyai kemudahan elektrik.

Sistem rawatan yang dipilih untuk dilaksanakan di premis Dagang Batikraf ialah Penjerapan Karbon Teraktif atau *Carbon Adsorption*. Penjerapan dengan bahan jerap kos rendah merupakan alternatif yang lebih ekonomi (Ramesh et al., 2011). Kaedah ini terbukti sangat efektif dalam membuang pewarna *recalcitrant* (Garg et al., 2004b).



Rajah 3

Cabaran Industri Batik Malaysia

Isu Pemasaran – Memerlukan strategi pemasaran yang sistematik dan efektif

Isu Perniagaan – Memerlukan reputasi kukuh dan penandaaras (benchmarking)

Isu Alam Sekitar – Penggunaan air yang berlebihan di dalam proses pembuatan dan pengeluaran yang menghasilkan effluen dicemari oleh pewarna dan bahan kimia

Halangan utama dalam industri batik antaranya kekurangan modal, permintaan yang tidak menentu, kekurangan pekerja mahir, akses terhad kepada bahan mentah, teknologi tradisional dan infrastruktur yang terhad.



Penilaian Pulangan Pelaksanaan Opsyen-opsyen CP di Premis Dagang Batikraf

Penilaian Pulangan Pelaksanaan Opsyen-opsyen CP

Jadual 6 : Penilaian Pulangan Pelaksanaan Opsyen-opsyen CP

Bil	Opsyen CP / Pulangan diperolehi (Pengurangan penghasilan / Penjimatan penggunaan)	Bahan mentah	Bahan api	Kuantiti air	Kualiti air	Sisa pepejal	Masa operasi	Suhu sekitar	Imej syarikat	Keselamatan dan Kesihatan	Tatasusun premis	Ergonomik
1.	Pembinaan lantai bersimen bagi ruang pemprosesan.									✓	✓	
2.	Pembinaan kolah takungan air bagi pembilasan kain.						✓					
3.	Pemasangan siling plywood di ruang mewarna.									✓		
4.	Pembinaan kabinet bagi menempatkan bekas simpanan pewarna.										✓	
5.	Pembinaan dapur memanaskan lilin dan cerobong wasap.					✓		✓		✓		
6.	Pemasangan rak simpanan blok cop.									✓	✓	
7.	Pemasangan meja/ bingkai mewarna batik keluli (2 tingkat).									✓	✓	✓
8.	Pembinaan sistem saliran paip dan tangki penapis karbon teraktif.				✓							
9.	Pemasangan 4 keping panel bumbung lutsinar.									✓		
10.	Pembinaan longkang saliran di ruang mewarna.										✓	
11.	Kolah takungan rendaman sodium silicate.					✓						
12.	Pelabelan bagi keseluruhan ruang pemprosesan dan tong simpanan bahan dan sisa.									✓	✓	
13.	Pemasangan papan tanda keselamatan.									✓		
14.	Pembersihan perimeter premis.								✓	✓	✓	
15.	Peralatan keselamatan (alat pelindung diri individu dan alat pemadam api).									✓		
16.	Tong simpanan bahan mentah.					✓						
17.	Pencucuh dapur memanaskan automatik.		✓					✓		✓		
18.	Tong simpanan sisa.					✓				✓	✓	
19.	Pemasangan papan tanda premis.								✓			
20.	Penambahbaikan tatasusun premis secara keseluruhan.							✓	✓	✓	✓	
21.	Penggunaan penimbang digital.	✓										

Walau bagaimanapun, isu berkaitan industri batik boleh ditangani dengan mewujudkan prospek yang cerah bagi industri batik, sokongan yang lebih jitu dari agensi kerajaan yang terlibat termasuk bantuan kewangan dan teknikal, melahirkan lebih ramai usahawan muda yang menceburi industri batik serta pembangunan kepakaran untuk menghasilkan pekerja mahir.

Peranan DOE

Jabatan Alam Sekitar mendapati kaedah yang paling sesuai dan berkesan untuk

membawa industri batik khususnya dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) amnya kepada pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ialah dengan strategi yang diguna pakai sekarang iaitu penguatkuasaan beserta khidmat nasihat atau consultation. Strategi ini diharapkan mampu membuka minda dan mengubah cara berfikir pengusaha IKS supaya lebih proaktif dan sentiasa peka terhadap masalah alam sekitar. Pengusaha IKS perlu diberi kesedaran bahawa terdapat amalan pengurusan

alam sekitar yang mampu dilaksanakan tanpa atau dengan melibatkan kos yang minimum. Oleh sebab itu, pihak IKS tidak perlu merasa takut untuk menyertai program yang direka khas untuk mereka seperti Program Bantuan Audit Pengeluaran Bersih bagi Industri Kecil dan Sederhana yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar melalui Unit Industri Hijau. Program ini bertujuan membantu IKS untuk mengenal pasti proses atau komponen kilang yang boleh dipertingkatkan melalui opsyen-opsyen CP. Dalam Rancangan Malaysia ke 10, Jabatan Alam Sekitar melalui Unit Industri Hijau akan menggunakan pendekatan memberi khidmat nasihat, kesedaran, bimbingan, galakkan, kepakaran dan demonstrasi projek kepada IKS mengenai konsep dan amalan Cleaner Production bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh IKS dalam mematuhi undang-undang dan keperluan alam sekitar.

Menyedari betapa pentingnya penerapan konsep CP oleh industri di Malaysia yang menjadi pemacu kepada Industri Hijau, Jabatan Alam Sekitar telah menjadikan Pengeluaran Bersih atau CP ini sebagai salah satu strategi bagi JAS dalam menangani masalah ketidakpatuhan IKS kepada peraturan alam sekitar dan seterusnya menjadikan industri ini berdaya saing dan mesra alam sekitar. Maka adalah menjadi tanggungjawab dan misi Jabatan Alam Sekitar untuk menggalakkan penerapan elemen CP di dalam pengurusan alam sekitar memandangkan pendekatan tersebut mampu mengurangkan impak terhadap alam sekitar.

Melangkah Ke Hadapan

Projek Integrasi CP di Premis Pembuatan Batik yang tercetus dari sesi dialog bersama pengusaha-pengusaha batik dan badan berkepentingan di Negeri Kelantan pada tahun 2010 merupakan usaha transformasi ke arah mewujudkan industri batik yang mesra alam dan berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan terlaksananya projek ini, JAS yakin bahawa peratus tahap kesedaran pengusaha-pengusaha batik terhadap impak industri batik terhadap alam sekitar akan meningkat serta pelaksanaan CP di kalangan industri ini akan semakin bertambah.

Sumber rujukan:

Batik Malaysia (Kraftangan) - Spesifikasi (Ulangkaji Pertama). (2007). Department of Standards Malaysia.
Garg et al.???? (2004b)
Ramesh et al????(2011)
<http://www.kotacrafts.com>
<http://www.kraftangan.gov.my>



The GREEN Industry

What is the Green Industry?

The Green Industry, as defined by UNIDO, is industrial production and development that does not come at the expense of the health of natural systems or leads to adverse human health outcomes. The Green Industry is aimed at mainstreaming environmental, climate and social considerations into the operations of enterprises.

The Green Industry promotes sustainable production and consumption patterns, for example, industrial patterns that are resource and energy efficient and products with low carbon and waste emissions that are responsibly produced and managed throughout their life cycle. In another perspective, the Green Industry stimulates technological advances and innovation. Therefore, the Green Industry not only reduces environmental impacts but spurs innovation, creating business opportunities and new jobs.

The Green Industry is viewed as the key to green growth that will result in an obvious shift to Sustainable Production and Consumption (SCP) patterns that will determine how a green economy and sustainable development are realised.

Green Industry Strategies

Strategy 1: Greening of existing industries

Enable and support all industries regardless of their sector and size, to green their operations, processes and products by using resources more efficiently; transforming industrial energy systems towards greater sustainability by expanding renewable energy sources; phasing out toxic substances; and improving occupational health and safety at the industrial level.

Strategy 2: Creating green industries

Establish and expand (new) green industries that deliver environmental goods and services. The Green industry is a rapidly expanding and diverse sector that covers all types of services and technologies that help to reduce negative environmental impacts and resource consumption. These include companies that manufacture renewable energy equipment as well as companies that develop clean technologies for various sectors such as transportation, energy, building and automotive. It also covers service industries, recycling companies, waste treatment equipment companies and includes consulting companies for energy and environment.

The Characteristics of the Green Industry

The attributes of the Green Industry can be categorised in the form of industrial operation, product and waste management. They are:

- Industry that consumes and uses minimal virgin raw materials.
- Products produced from sustainable inputs.
- Products that are built for longevity and durability.
- Production processes that minimise the use of water, energy, and materials.



- Production processes that are free from harmful toxins.
- Application of reuse and recycling of solid waste streams.
- Products and processes that achieve substantial reductions in emissions or effluents of harmful greenhouse gases and pollutants.

Benefits of the Green Industry

Briefly, Green Industry benefits are reflected in three major sectors namely economic, social and environment. The multiple benefits that accrue from pursuing a Green Industry approach are listed below.

- Reduced raw material cost
- Increased security of supply
- Reduced pollution risks and cost
- Lower cost of capital
- Increased employee appeal and engagement
- Increased awareness of emerging smart technologies
- Enhanced innovation capacity and skill
- Improved brand recognition and competitive position in markets

The tools to green our industries are already in place. We just have to make a conscious effort to make them part and parcel of our industrial processes. They are:

- ↓ Eco-efficiency
- ↓ Environmental Labeling
- ↓ ISO 14000/EMAS
- ↓ Environmental Audits
- ↓ Environmental Accounting
- ↓ Codes of Practice
- ↓ Industrial Ecology
- ↓ Environmental Indicators
- ↓ Life Cycle Assessment
- ↓ Environmental Taxes
- ↓ Performance Based Contracting
- ↓ Public Environment Reporting
- ↓ Pollution Prevention
- ↓ Waste Minimisation
- ↓ Green Productivity

Note: Part of the information is extracted from UNIDO .



GREEN INVESTMENT

‘Green is the new black!’ Everyone wants to go green, in keeping with global trends.

Loga Sunthri Veeriaiah Emel: loga.veeriaiah@aecom.com

We are now on the threshold of another major and important revolutionary phase - the green economics. But while the world battles the pressures of the global financial crisis, the question posed is ‘can we afford to go green’. If we were to make a case purely on bread-and-butter economics, the answer could well be ‘no’. However, the soaring rate of environmental degradation has had devastating impacts on the the climate which in turn is affecting water resources and resulting in terrifying effects on food security. The ‘Green Economy Initiative’, backed by Germany, Norway and the European Commission arises from the insight that the most pressing problems we face are interrelated. Rising energy and commodity prices have helped create the global food crisis, which fed the financial crisis. Meanwhile global population growth has resulted in shortages of critical resources—fuel, food, clean air and water.

The Need to Grow Green Jobs

We need to understand that growth is vital as new jobs have to be created to combat the rising unemployment in both the developing and developed world. Poverty is an overriding issue. Green Investment will help redirect resources away from the speculative financial engineering at the root of today’s market crisis into more productive, growth-generating and job-creating investments for the future.

Green financing is a basic activity to accomplish green growth. Green financing is targeted financing that induces the flow of sufficient funds into the target through the intervention of public agencies. Autonomic market forces do not provide sufficient funds to green economic activities, hence the term targeted financing.

Soaring energy needs, volatile oil prices and an increased focus on curbing global warming have spurred investments in clean energy, in the last few years which has thus mooted the way for a new market scheme of green financing. The total world market for environmental products and services is currently estimated at around USD1,370 billion, and is set to double by 2020 (UNEP/ILO 2008). In China, green capital investment is expected to grow

from USD170 million in 2005 to more than USD720 million in 2008. Globally, the UN Environment Programme (UNEP) estimates that investment in low-greenhouse energy will reach USD1.9 trillion by 2020.

There has been more than 200% increase in growth in green investment since 2005. The financial crisis slowed this trend in late 2008 and 2009, but capital continued to flow into green ventures despite harder economic times. For instance, in 2010, there was a record breaking USD 243 billion in investments, double the figure in 2006 and nearly five times that of 2004. What The main driver for this rapid growth were China with an investment jump of 30% which is the single largest for any country, European offshore wind and solar projects and an increased focus on research and development (R&D).

The number of countries with some type of policy target or support policy almost doubled in recent years, from 55 in early 2005 to more than 100 by early 2010 (OECD). One of the major contributors will be the growing energy challenge particularly in Asia which will further encourage the ongoing investment on green financing.

In 2009, China replaced the United States to emerge as the leader in clean energy finance and investments for the first time. This is only expected to continue with China leading the way in attracting clean energy investments in the near future. Along with China, India, Japan and South Korea will account for the lion’s share of investments in 2020 with the Americas

and Europe trailing. The United States will lose its leadership position, as it does not maintain the potential to attract USD342 billion in private clean energy investments over the next decade.

Malaysia’s Green Investment Initiatives


In 2009, a cabinet reshuffle and restructuring was conducted to form the Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA) which was given the green technology portfolio into the water and energy functions. Some of the major milestones include the formulation of Green Technology Policy, Green Technology Financing Scheme and the rebranding exercise of Pusat Tenaga Malaysia (PTM) to Malaysian Green Technology Corporation (GREENTECH).

The Malaysian National Green Technology Policy consists of FOUR key pillars, namely ENERGY, ENVIRONMENT, ECONOMY and SOCIAL. As long as the world’s energy needs keep growing at a feverish pace, the future outlook for clean energy investments (green investment) will continue to burn brightly. The Malaysian energy sector is still heavily dependent on non-renewable fuel such as fossil fuels and natural gas as a source of energy and efforts towards clean energy were initiated way back in 1996 during the 7th Malaysian Plan. The table below identifies some of the efforts introduced in the various Malaysian Plans.

One of the main drivers of the unprecedented growth in clean energy investments in 2010 was the direct result of government intervention. Some of the other efforts and commitments of the Malaysian government are listed below:

- National Biofuel Policy; by 2025, at least 5% of the national energy mix must come from biofuel. In 2005, Malaysia

Seventh Malaysia Plan (7 MP) (1996-2000)	Renewable energy was made the fifth fuel in the energy mix together with oil, gas, coal and hydro
Eighth Malaysia Plan (8 MP) (2001-2005)	• In-house biomass-based cogeneration for the production of electricity;
	• Extension of financial and fiscal incentives for biomass, biogas, municipal waste, solar and mini hydro; and
Ninth Malaysia Plan (9 MP) (2006-2010)	• Promotion of co-operation between government agencies and private institutions
	Development of other renewable energy sources such as standalone systems of solar hybrid and Municipal Solid Waste (MSW), especially through the implementation of Clean Development Mechanism (CDM) projects.



utilised less than 1% of its biomass resource potential for renewable energy. Be that as it may, Malaysia is now one of the key biodiesel producers in the world. Current CDM potential in Malaysia is associated with biomass, biogas, hydro, waste management, landfill gas, Municipal Solid Waste (MSW) and Composting. For the future, the transport and agricultural sectors, biofuel, oil and gas, agriculture sector offer vast potential.

- Budget 2008 tabulated that income derived from trading certified green gasses emission reduction will enjoy tax exemptions (2008-2010). Companies providing energy conservation services will also get an additional 10-year pioneer status. Expansion of the qualifying criteria for these tax exemptions would be required towards greater sustainable development.
- Announcements were made in 2010 about incentives provided to businesses developing and investing in green technology, while the Pioneer Status and Investment Tax Allowance for renewable energy and sustainable activities was extended to December 2015.
- In 2010, a soft loan incentive, the Green Technology Financing Scheme, was launched to create a policy environment that will attract innovators and users of green technology followed by the development of green procurement manual, procedures and standards are currently under development.
- The Renewable Energy Act 2011 (Act 725) provides for the establishment and implementation of a special feed-in-tariff system to catalyse the generation of renewable energy in Malaysia. The law is administered by the Sustainable Energy Development Authority (SEDA).
- Other initiatives include Malaysian Green Building Index (MAA /ACEM) and the Malaysian Building Integrated Photovoltaic Technology Application Project (MBIPV).

The Transition to Green Growth

The transition to a greener growth should be facilitated by eco-tax reform, soft energy path, sustainable infrastructure, the greening of business and industries, and sustainable consumption. The 'business as usual' scenario is likely to be constrained and there will be a realignment of market sectors as companies face a growing spectrum of stakeholders who are concerned about the environment

Mainstream economic thinking is that the proposed solutions will contribute to economic recovery, fight against poverty, and promote justice, since greener growth would also ensure that the earth's vast resources are also available to develop the poorest countries and their populations.

Another major impact of green investment will be the growth of job markets. More than two million people in the advanced industrial nations today find work in renewable energy. Brazil's biofuels sector has been creating nearly a million jobs annually. Economists say that India, Nigeria and Venezuela, among many others, could do much the same. In Germany, environmental technology is expected to quadruple over the coming years, reaching 16% of manufacturing output by 2030 and employing more people than the auto industry. Mexico already employs 1.5 million people to plant and manage the nation's forests.

Any new era will have its own challenges, thus green investment has

its own set of challenges other than the global economic crisis. Any investment decision will prompt the investors to undertake a risk analysis of the project in question and of the investment conditions where the investment is being considered. When unabated or not compensated for, these risks present formidable barriers to the investment. Ultimately, investors do not look for a risk free environment, but rather an environment where risks can be understood, managed and anticipated.

